

Perjumpaan untuk dapatkan pandangan PM

MUAR 6 Ogos - Perjumpaan tertutup antara Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama beberapa individu penting dalam kalangan ahli Parti Pribumi Bersatu (BERSATU) semalam disifatkan untuk mendapatkan pandangan daripada Perdana Menteri itu dalam melaksanakan tanggungjawab membantu rakyat.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perjumpaan itu juga bertujuan memenuhi hasrat Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Bersatu yang ingin bertemu dengan semua Ahli Parlimen, Dewan Rakyat, Dewan Negara serta Menteri Besar.

"Ini hanya perjumpaan biasa untuk mendapatkan nasihat, pandangan dan bimbingan Tun dan mencari cara bekerja yang berkesan untuk Ahli Parlimen dan juga ADUN (Dewan Undangan Negeri), Senator dalam melaksanakan tanggungjawab untuk bantu rakyat.

"Penting sebagai ahli yang berhormat untuk tahu tugas mereka dan perkara-perkara dasar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup Ke-



DR. MAHATHIR MOHAMAD (duduk, tengah) mengadakan pertemuan tertutup dengan wakil-wakil rakyat dan senator dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia, kelmarin. - MEDIA SOSIAL

johanan Gimrama Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) di Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Bandar Universiti Pagoh, di sini hari ini.

Muhyiddin yang juga Presiden Bersatu menegaskan, tiada perkara luar biasa berlaku dalam pertemuan tersebut selain ianya adalah merupakan perjumpaan kali kedua dan akan dibuat dari

semasa ke semasa.

Anggota Parlimen Pagoh itu mengulas mengenai status dimuat naik Menteri Belia dan Sukan yang juga Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman bersama empat keping gambar di laman Twitturnya semalam.

Status itu berbunyi: "Perjump-

aan tertutup YAB Tun M bersama semua Ahli Parlimen-Senator-Menteri Besar dari Bersatu. Kami memberikan sokongan penuh kepada YAB Tun M dan akan fokus kepada perjuangan rakyat. Masalah rakyat, masalah kami. Tidak perlu bongkak dan som-bong, ikhlas berkhidmat untuk semua". - BERNAMA